

GENERIK

Kandungan dan wajaran bagi instrumen Generik

DIMENSI 1 -PROFESIONALISME (30%)

E1 Nilai Profesionalime (6%)

A1.1 Amalan Profesionalisme
A1.2 Hubungan dengan Pelanggan

E2 Sahsiah (4%)

A2.1 Mengutamakan Pencapaian
A2.2 Kepantasan Bertindak
A2.3 Kematangan Emosi dan Keyakinan Diri
A2.4 Budaya Kerja Sepasukan
A2.5 Berfokuskan Pelanggan

E3 Potensi (4%)

A3.1 Kepimpinan Berwawasan dan Membuat Keputusan
A3.2 Penyesuaian Perubahan
A3.3 Keinginan Menimba Pengetahuan
A3.4 Pemikiran Kreatif dan Inovatif

E4 Keilmuan dan Pengetahuan (6%)

A4.1 Dasar-dasar Kerajaan
A4.2 Peraturan dan Pekeliling
A4.3 Penguasaan Bidang Tugas
A4.4 Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)

E5 Kesediaan dan Kewibawaan (10%)

A5.1 Kesediaan Menjalankan Arahan/Tugas-tugas Lain
A5.2 Keupayaan Melaksanakan Bimbingan dan Pementoran

DIMENSI 2 -PELIBATAN (10%)

E1 Hubungan Luar (5%)

A1.1 Jalinan dan Jaringan (*Networking and Linkages*)

E2 Sumbangan (5%)

A2.1 Sumbangan Profesional dan/atau Sosial

D1 PROFESIONALISME
E1 NILAI PROFESIONAL

ASPEK A1.1	HURAIAN
AMALAN PROFESIONAL	Mengetahui, memahami, mematuhi dan mempamerkan tingkah laku beretika sebagai seorang Pegawai Perkhidmatan Pendidikan - Mengetahui dan memahami; keupayaan pegawai untuk menjelaskan tingkah laku beretika - Mematuhi; keupayaan pegawai untuk patuh akan tingkah laku beretika - Mempamerkan; keupayaan pegawai untuk memperlihatkan tingkah laku beretika

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kerja penjawat awam	Contoh: - Jujur dan amanah - Berketerampilan - Berintegriti dan sebagainya
Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan patriotisme, *non-partisan, neutrality* dan mematuhi tatakelakuan sebagai penjawat awam	Contoh: - Cinta dan taat akan Yang di-Pertuan Agong, negara serta kerajaan (*Goverment of the day*) - Menjalankan tugas tanpa memihak mana-mana parti politik - Tidak mengutamakan kepentingan peribadi sehingga membelakangkan tugas
Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kerja keguruan	Contoh: - Cinta akan profesion - Tidak menyebarkan perkara yang dapat memburukkan imej organisasi serta mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oganisasi
Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami, menghayati dan mempamerkan etika kaunseling (Akta 580)	Contoh: - Dapat diteladani - Sentiasa menjaga kerahsiaan

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan, Temu bual dan Pemerhatian. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau dua atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Kad Perakam Waktu/rekod kehadiran - Buku Log Pergerakan Pegawai
Temu Bual	Contoh aspek yang sesuai untuk ditemu bual adalah seperti yang berikut: - Cara pegawai memberikan maklum balas terhadap sebarang pertanyaan
Pemerhatian	Contoh aspek yang sesuai untuk diamati adalah seperti yang berikut: - Jujur dan dapat dipertanggungjawabkan - Cara berpakaian mengikut peraturan semasa - Mengutamakan kepentingan negara berbanding dengan kepentingan peribadi - Mendukung dasar-dasar dan aspirasi kerajaan - Mempamerkan kesetiaan kepada negara

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mengetahui dan memahami etika kerja yang berkaitan serta mempamerkan tingkah laku beretika dengan konsisten	• Sentiasa dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas dan tepat • Sentiasa mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas, seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/pelanggan dan lain-lain
BAIK (4) Mengetahui dan memahami etika kerja yang berkaitan serta mempamerkan tingkah laku beretika	• Dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas • Mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas, seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/pelanggan dan lain-lain tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mengetahui dan memahami etika kerja yang berkaitan tetapi kurang mempamerkan tingkah laku beretika	• Dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas • Jarang dapat mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas, seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/pelanggan dan lain-lain
MEMUASKAN (2) Kurang mengetahui dan kurang memahami etika kerja yang berkaitan serta kurang mempamerkan tingkah laku beretika	• Jarang dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas • Jarang dapat mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas, seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/pelanggan dan lain-lain
LEMAH (1) Kurang mengetahui dan kurang memahami etika kerja yang berkaitan serta tidak mempamerkan tingkah laku beretika	• Jarang dapat menerangkan etika kerja PPP dengan jelas • Tidak dapat mempamerkan tingkah laku beretika dan berketerampilan sesuai dengan tugas dan tempat bertugas, seperti melaksanakan tugas dengan amanah, komitmen dalam tugas, cara berpakaian, tidak berpihak kepada mana-mana parti politik, berintegriti, mampu menjadi suri teladan kepada rakan sekerja/pelanggan dan lain-lain

CATATAN:

ASPEK A1.2	HURAIAN
HUBUNGAN DENGAN PELANGGAN	Interaksi dua hala (*interpersonal*) antara pegawai dengan pelanggan yang berkaitan dapat memberikan impak kepada pelanggan dan organisasi dengan bidang tugasnya - Interaksi merujuk semua bentuk hubungan seperti perbualan bersemuka, panggilan telefon, e-mel dan bentuk-bentuk hubungan profesional dan rasmi yang lain - Pelanggan ialah murid, ibu bapa, guru, pegawai-pegawai PPD, JPN dan KPM serta orang awam yang berurusan dengan organisasi KPM

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan	• Berinteraksi secara positif dengan pelanggan untuk menyempurnakan tugas dalam bidang kerjanya • Menjaga nama baik pelanggan dan organisasi • Contoh: - Kesantunan - Kemesraan - Adil - Hormat-menghormati - Percaya-mempercayai - Tahap jangkaan yang tinggi • Segera mengambil tindakan

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan, Temu bual dan Pemerhatian. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau dua atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - E-mel - Surat - Memo - Media sosial - Foto - Video - Keratan akhbar - Bahan-bahan lain
Temu Bual	Contoh aspek yang sesuai untuk ditemu bual adalah seperti yang berikut: - Cara pegawai melayan pelanggan
Pemerhatian	Contoh aspek yang sesuai untuk diamati adalah seperti yang berikut: - Memberikan perhatian/tumpuan tanpa mendiskriminasikan pelanggan - Menerima pandangan dan menegur pelanggan secara berhemah - Kesanggupan pegawai untuk bekerja lebih masa - Perkara-perkara lain yang berkaitan

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan dan menjaga nama baik pelanggan/organisasi secara konsisten	• Sentiasa mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara, seperti e-mel/surat/memo/video/keratan akhbar/media lain yang sesuai • Sentiasa mempraktikkan kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi • Sentiasa mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi
BAIK (4) Mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan dan menjaga nama baik pelanggan/organisasi	• Mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara, seperti e-mel/surat/memo/video/keratan akhbar/media lain yang sesuai tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mempraktikkan kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi situasi tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan tetapi kurang menjaga nama baik pelanggan/organisasi	• Mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara, seperti e-mel/surat/memo/video/keratan akhbar/media lain yang sesuai tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mempraktikkan kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang dapat mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan dan kurang menjaga nama baik pelanggan/organisasi	• Jarang dapat mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara, seperti e-mel/surat/memo/video/keratan akhbar/ media lain yang sesuai • Jarang dapat mempraktikkan kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi • Jarang dapat mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi
LEMAH (1) Kurang mempamerkan interaksi dua hala secara positif dengan pelanggan dan tidak menjaga nama baik pelanggan/organisasi	• Jarang dapat mewujudkan hubungan yang positif dengan pelanggan melalui pelbagai cara, seperti e-mel/surat/memo/video/keratan akhbar/ media lain yang sesuai • Jarang dapat mempraktikkan kemahiran berkongsi maklumat yang sesuai dengan pelanggan dalam pelbagai situasi • Tidak dapat mewujudkan suasana yang mesra ketika berurusan dengan pelanggan dan menjaga nama baik organisasi

CATATAN:

E2 SAHSIAH

ASPEK A2.1	HURAIAN
MENGUTAMAKAN PENCAPAIAN	Memberikan komitmen dan menunjukkan sikap profesional dalam menyelesaikan tugasan

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk menunjukkan kesungguhan untuk mencapai matlamat dan prihatin akan kecekapan serta kecemerlangan penyampaian perkhidmatan	• Menunjukkan kesungguhan dalam mencapai matlamat • Menunjukkan keprihatinan tentang kecekapan dan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan • Berusaha dalam mencapai matlamat • Menyelesaikan tugasan dengan kesungguhan yang tinggi

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan dan Pemerhatian. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Surat arahan memo - Dokumen program/aktiviti - Laporan latihan - Kertas maklum balas berkaitan sesuatu arahan - Bahan lain yang sesuai
Pemerhatian	Contoh aspek yang sesuai untuk diamati adalah seperti yang berikut: - Komitmen - Konsisten - Bertanggungjawab - Prihatin - Berusaha - Nilai-nilai murni lain yang sesuai

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugasan serta menunjukkan sikap yang positif ke arah pencapaian matlamat secara konsisten	• Sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyelesaikan tugasan • Sentiasa mencari peluang dalam sebarang halangan • Sentiasa berusaha/mencari jalan untuk menyelesaikan sebarang masalah • Sentiasa melakukan lebih daripada keperluan dan memberikan kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti
BAIK (4) Mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugasan dan menunjukkan sikap yang positif ke arah pencapaian matlamat	• Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyelesaikan tugasan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mencari peluang dalam sebarang halangan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Berusaha/mencari jalan untuk menyelesaikan sebarang masalah tetapi tidak berlaku secara berterusan • Melakukan lebih daripada keperluan dan memberikan kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugasan tetapi kurang menunjukkan sikap yang positif ke arah pencapaian matlamat	• Menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyelesaikan tugasan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mencari peluang dalam sebarang halangan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang berusaha/mencari jalan untuk menyelesaikan sebarang masalah • Jarang dapat melakukan lebih daripada keperluan dan memberikan kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugasan dan kurang menunjukkan sikap ke arah pencapaian matlamat	• Jarang menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyelesaikan tugasan • Jarang mencari peluang dalam sebarang halangan • Jarang berusaha/mencari jalan untuk menyelesaikan sebarang masalah • Jarang dapat melakukan lebih daripada keperluan dan memberikan kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti
LEMAH (1) Kurang mempamerkan kesungguhan dalam menyelesaikan tugasan dan tidak menunjukkan sikap ke arah pencapaian matlamat	• Jarang menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menyelesaikan tugasan • Jarang mencari peluang dalam sebarang halangan • Tidak berusaha/mencari jalan untuk menyelesaikan sebarang masalah • Tidak dapat melakukan lebih daripada keperluan dan memberikan kepuasan kepada diri serta meningkatkan kredibiliti

CATATAN:

ASPEK A2.2	HURAIAN
KEPANTASAN BERTINDAK	Kebolehan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan bagi mencapai hasil/objektif

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk melaksanakan sesuatu tugasan dalam tempoh ditetapkan	• Bertindak dengan berkesan dalam menyelesaikan tugasan mengikut sasaran kerja dalam tempoh masa yang ditetapkan • Tempoh tindak balas kepada arahan/tugasan • Menyelesaikan sesuatu tugasan dalam tempoh yang ditetapkan

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan, Temu bual dan Pemerhatian. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau dua atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Audio - Video - Bahan bercetak - Bahan lain yang sesuai
Temu Bual	Contoh aspek yang sesuai untuk ditemu bual adalah seperti yang berikut: - Tempoh yang diambil untuk menyelesaikan tugasan yang diberikan
Pemerhatian	Contoh aspek yang sesuai untuk diamati adalah seperti yang berikut: - Usaha-usaha yang dilakukan untuk menyelesaikan tugasan

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Berkebolehan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan dan menepati sasaran kerja yang ditetapkan secara konsisten	• Sentiasa mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan • Sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/ melengahkan masa dalam melaksanakan/menyelesaikan tugasan • Sentiasa melaksanakan tugasan yang memberikan impak kepada organisasi • Sentiasa melaksanakan tugasan dengan pantas dan menepati standard kualiti
BAIK (4) Berkebolehan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan dan menepati sasaran kerja yang ditetapkan	• Mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/melengahkan masa dalam melaksanakan/menyelesaikan tugasan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Melaksanakan tugasan yang memberikan impak kepada organisasi tetapi tidak berlaku secara berterusan • Melaksanakan tugasan dengan pantas dan menepati standard kualiti tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Berkebolehan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan dan kurang menepati sasaran kerja yang ditetapkan	• Mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/melengahkan masa dalam melaksanakan/menyelesaikan tugasan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang dapat melaksanakan tugasan yang memberikan impak kepada organisasi • Jarang dapat melaksanakan tugasan dengan pantas dan menepati standard kualiti
MEMUASKAN (2) Kurang berkebolehan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan dan kurang menepati sasaran kerja yang ditetapkan	• Jarang dapat mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan • Jarang dapat mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/ melengahkan masa dalam melaksanakan/menyelesaikan tugasan • Jarang dapat melaksanakan tugasan yang memberikan impak kepada organisasi • Jarang dapat melaksanakan tugasan dengan pantas dan menepati standard kualit
LEMAH (1) Kurang berkebolehan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan dan tidak menepati sasaran kerja yang ditetapkan	• Jarang dapat mengambil tindakan yang relevan untuk menyelesaikan tugasan dalam tempoh yang ditetapkan • Jarang dapat mengambil tindakan yang sewajarnya tanpa disuruh/ melengahkan masa dalam melaksanakan/menyelesaikan tugasan • Tidak dapat melaksanakan tugasan yang memberikan impak kepada organisasi • Tidak dapat melaksanakan tugasan dengan pantas dan menepati standard kualiti

CATATAN:

ASPEK A2.3	HURAIAN
KEMATANGAN EMOSI DAN KEYAKINAN DIRI	Mengurus perasaan, fikiran dan mempunyai keyakinan diri dalam mengawal tindakan semasa menjalankan tugas

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk mengurus emosi diri bagi kebaikan organisasi	Mengurus emosi diri sendiri untuk meningkatkan keyakinan serta tindakan demi kebaikan organisasi semasa menjalankan tugas
Keupayaan pegawai untuk mempamerkan keyakinan diri dalam melaksanakan tugas	• Mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan berupaya memilih kaedah yang berkesan dalam menyelesaikan tugasan dan masalah • Berupaya membuat keputusan yang tepat berkaitan dengan tugasan dan masalah

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Pemerhatian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Pemerhatian	Contoh aspek yang sesuai untuk diamati adalah seperti yang berikut: - Berfikiran terbuka apabila berinteraksi - Tenang - Asertif (melahirkan tindakan dan perasaan secara jujur, terus terang dan ikhlas tanpa mencabuli hak orang lain) - Rasional - Sabar - Nilai-nilai murni lain yang sesuai

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan kematangan emosi dan keyakinan diri yang tinggi semasa melaksanakan tugas secara konsisten	• Sentiasa menunjukkan perasaan/fikiran yang tenang/rasional • Sentiasa dapat mengawal keadaan/tidak mudah dipengaruhi oleh suasana/situasi yang tidak sihat • Sentiasa mempraktikkan kemahiran membuat keputusan/memilih cara yang berkesan/sesuai yang dapat menyelesaikan tugasan/masalah yang dihadapi dengan baik
BAIK (4) Mempamerkan kematangan emosi dan keyakinan diri yang tinggi semasa melaksanakan tugas	• Menunjukkan perasaan/fikiran yang tenang/rasional • Dapat mengawal keadaan/tidak mudah dipengaruhi oleh suasana/situasi yang tidak sihat tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mempraktikkan kemahiran membuat keputusan/memilih cara yang berkesan/sesuai yang dapat menyelesaikan tugasan/masalah yang dihadapi dengan baik tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan kematangan emosi tetapi kurang keyakinan diri yang tinggi semasa melaksanakan tugas	• Menunjukkan perasaan/fikiran yang tenang/rasional • Dapat mengawal keadaan/tidak mudah dipengaruhi oleh suasana/situasi yang tidak sihat tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang dapat mempraktikkan kemahiran membuat keputusan/memilih cara yang berkesan/sesuai yang dapat menyelesaikan tugasan/masalah yang dihadapi dengan baik
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan kematangan emosi dan kurang keyakinan diri yang tinggi semasa melaksanakan tugas	• Jarang dapat menunjukkan perasaan/fikiran yang tenang/rasional • Jarang dapat mengawal keadaan/tidak mudah dipengaruhi oleh suasana/situasi yang tidak sihat • Jarang dapat mempraktikkan kemahiran membuat keputusan/memilih cara yang berkesan/sesuai yang dapat menyelesaikan tugasan/masalah yang dihadapi dengan baik
LEMAH (1) Kurang mempamerkan kematangan emosi dan tidak ada keyakinan diri semasa melaksanakan tugas	• Jarang dapat menunjukkan perasaan/fikiran yang tenang/rasional • Jarang dapat mengawal keadaan/tidak mudah dipengaruhi oleh suasana/situasi yang tidak sihat • Tidak dapat mempraktikkan kemahiran membuat keputusan/memilih cara yang berkesan/sesuai yang dapat menyelesaikan tugasan/masalah yang dihadapi dengan baik

CATATAN:

ASPEK A2.4	HURAIAN
BUDAYA KERJA SEPASUKAN	Melibatkan diri secara berkumpulan bagi menyelesaikan tugas-tugas harian yang ditetapkan

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk mewujudkan budaya kerja sepasukan	• Sentiasa memberikan kerjasama semasa menjalankan/menyelesaikan tugas dalam pasukan • Wujud suasana kerja yang selesa dan kondusif untuk mengekalkan keharmonian sesebuah organisasi semasa menjalankan sesuatu tugasan
Keupayaan pegawai untuk mewujudkan kebersamaan dengan semua pihak ke arah mencapai matlamat organisasi	• Melibatkan diri dalam kerja secara berkumpulan bagi menyelesaikan tugasan • Berperanan secara aktif dengan pelbagai kumpulan/unit/jabatan untuk mencapai matlamat sesuatu organisasi

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan dan Pemerhatian. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Audio - Video - E-buletin - Bahan bercetak - Bahan lain yang sesuai
Pemerhatian	Contoh aspek yang sesuai untuk diamati adalah seperti yang berikut: - Pengendalian mesyuarat/perjumpaan - Komunikasi dua hala - Terbuka kepada perbincangan - Menerima perbezaan pendapat - Membuat keputusan secara kolektif - Kriteria lain yang sesuai

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan pelibatan secara aktif dalam melaksanakan kerja berpasukan dan dapat mewujudkan kebersamaan dengan semua pihak untuk mencapai matlamat organisasi secara konsisten	• Sentiasa menunjukkan kesediaan berkongsi idea dan tenaga dengan rakan sekerja dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat organisasi • Sentiasa menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam organisasi • Sentiasa merancang/melaksanakan tugasan secara sepasukan • Sentiasa mewujudkan suasana kerja yang selesa/kondusif/harmoni dalam organisasi semasa menjalankan sesuatu tugasan • Sentiasa menyesuaikan diri dengan pelbagai kumpulan/unit/jabatan untuk mencapai matlamat sesuatu organisasi
BAIK (4) Mempamerkan pelibatan secara aktif dalam melaksanakan kerja berpasukan dan dapat mewujudkan kebersamaan dengan semua pihak untuk mencapai matlamat organisasi	• Menunjukkan kesediaan berkongsi idea dan tenaga dengan rakan sekerja dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat organisasi tetapi tidak berlaku secara berterusan • Menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam organisasi tetapi tidak berlaku secara berterusan • Merancang/melaksanakan tugasan secara sepasukan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mewujudkan suasana kerja yang selesa/kondusif/harmoni dalam organisasi semasa menjalankan sesuatu tugasan tetapi tidak berlaku secara berterusan • Menyesuaikan diri dengan pelbagai kumpulan/unit/jabatan untuk mencapai matlamat sesuatu organisasi tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan pelibatan dalam melaksanakan kerja berpasukan tetapi kurang dapat mewujudkan kebersamaan dengan semua pihak untuk mencapai matlamat organisasi	• Menunjukkan kesediaan berkongsi idea dan tenaga dengan rakan sekerja dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat organisasi tetapi tidak berlaku secara berterusan • Menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam organisasi tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang dapat merancang/melaksanakan tugasan secara sepasukan • Jarang dapat mewujudkan suasana kerja yang selesa/kondusif/harmoni dalam organisasi semasa menjalankan sesuatu tugasan • Jarang dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai kumpulan/unit/jabatan untuk mencapai matlamat sesuatu organisasi
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan pelibatan dalam melaksanakan kerja berpasukan dan kurang dapat mewujudkan kebersamaan dengan semua pihak untuk mencapai matlamat organisasi	• Jarang dapat menunjukkan kesediaan berkongsi idea dan tenaga dengan rakan sekerja dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat organisasi • Jarang dapat menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam organisasi • Jarang dapat merancang/melaksanakan tugasan secara sepasukan • Jarang dapat mewujudkan suasana kerja yang selesa/kondusif/harmoni dalam organisasi semasa menjalankan sesuatu tugasan • Jarang dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai kumpulan/unit/jabatan untuk mencapai matlamat sesuatu organisasi
LEMAH (1) Kurang mempamerkan pelibatan dalam melaksanakan kerja berpasukan dan tidak dapat mewujudkan kebersamaan dengan semua pihak untuk mencapai matlamat organisasi	• Jarang dapat menunjukkan kesediaan berkongsi idea dan tenaga dengan rakan sekerja dalam melaksanakan tugas untuk mencapai matlamat organisasi • Jarang dapat menunjukkan kesediaan untuk bekerjasama dengan pelbagai pihak dalam organisasi • Tidak dapat merancang/melaksanakan tugasan secara sepasukan • Tidak dapat mewujudkan suasana kerja yang selesa/kondusif/harmoni dalam organisasi semasa menjalankan sesuatu tugasan • Tidak dapat menyesuaikan diri dengan pelbagai kumpulan/unit/jabatan untuk mencapai matlamat sesuatu organisasi

CATATAN:

ASPEK A2.5	HURAIAN
BERFOKUSKAN PELANGGAN	Mengutamakan dan memenuhi keperluan pelanggan yang berkaitan dengan bidang tugas

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk memberikan tumpuan dan berusaha untuk memahami serta memenuhi kehendak dan keperluan semasa atau keperluan jangka panjang pelanggan	• Mengutamakan serta memenuhi keperluan dan kehendak pelanggan dalam perkhidmatan • Bertangunggungjawab menguruskan keperluan pelanggan yang berkaitan dengan bidang tugas • Berusaha menyempurnakan urusan pelanggan berkaitan dengan bidang tugas selaras dengan Tatacara Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan, Temu bual dan Pemerhatian. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau dua atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Rakaman kamera litar tertutup - Laporan analisis soal selidik kepuasan pelanggan - Borang maklum balas pelanggan - Bahan lain yang berkaitan
Temu Bual	Contoh aspek yang sesuai untuk ditemu bual adalah seperti yang berikut: - Tatacara pengurusan pelanggan
Pemerhatian	Contoh aspek yang sesuai untuk diamati adalah seperti yang berikut: - Komitmen - Konsisten - Bertanggungjawab - Prihatin/memudahkan urusan pelanggan - Berusaha - Nilai-nilai murni lain yang sesuai

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan komitmen semasa melaksanakan perkhidmatan kepada pelanggan dan berusaha memenuhi keperluan pelanggan dalam bidang tugas secara konsisten	• Sentiasa bertanggungjawab dan bersedia menyantuni pelanggan yang memerlukan perkhidmatan berkaitan dengan bidang tugas • Sentiasa menunjukkan kesungguhan dan berusaha memenuhi keperluan/kehendak pelanggan berkaitan dengan bidang tugas selaras dengan SOP yang telah ditetapkan
BAIK (4) Mempamerkan komitmen semasa melaksanakan perkhidmatan kepada pelanggan dan berusaha memenuhi keperluan pelanggan dalam bidang tugas	• Bertanggungjawab dan bersedia menyantuni pelanggan yang memerlukan perkhidmatan berkaitan dengan bidang tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan • Menunjukkan kesungguhan dan berusaha memenuhi keperluan/kehendak pelanggan berkaitan dengan bidang tugas selaras dengan SOP yang telah ditetapkan tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan komitmen semasa melaksanakan perkhidmatan kepada pelanggan tetapi kurang berusaha memenuhi keperluan pelanggan dalam bidang tugas	• Bertanggungjawab dan bersedia menyantuni pelanggan yang memerlukan perkhidmatan berkaitan dengan bidang tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang dapat menunjukkan kesungguhan dan berusaha memenuhi keperluan/kehendak pelanggan berkaitan dengan bidang tugas selaras dengan SOP yang telah ditetapkan
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan komitmen semasa melaksanakan perkhidmatan kepada pelanggan dan kurang berusaha memenuhi keperluan pelanggan dalam bidang tugas	• Jarang bertanggungjawab dan bersedia menyantuni pelanggan yang memerlukan perkhidmatan berkaitan dengan bidang tugas • Jarang dapat menunjukkan kesungguhan dan berusaha memenuhi keperluan/kehendak pelanggan berkaitan dengan bidang tugas selaras dengan SOP yang telah ditetapkan
LEMAH (1) Kurang mempamerkan komitmen semasa melaksanakan perkhidmatan kepada pelanggan dan tidak berusaha memenuhi keperluan pelanggan dalam bidang tugas	• Jarang bertanggungjawab dan bersedia menyantuni pelanggan yang memerlukan perkhidmatan berkaitan dengan bidang tugas • Tidak dapat menunjukkan kesungguhan dan berusaha memenuhi keperluan/kehendak pelanggan berkaitan dengan bidang tugas selaras dengan SOP yang telah ditetapkan

CATATAN:

E3 POTENSI

ASPEK A3.1	HURAIAN
KEPIMPINAN BERWAWASAN DAN MEMBUAT KEPUTUSAN	• Menetapkan hala tuju dan menggerakkan sumber di organisasi untuk mencapai visi dan misi • Membuat keputusan untuk kepentingan organisasi

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk menetapkan hala tuju dan mengurus sumber	• Menentukan matlamat bagi memastikan kejayaan organisasi (Visi) dan merancang strategi bagi mencapai matlamat tersebut (Misi) • Mendepani cabaran, menyelesaikan isu-isu hari ini dan meletakkan diri sendiri pada situasi masa hadapan
Keupayaan pegawai untuk membuat keputusan secara berkesan selari dengan matlamat organisasi/agensi	• Membuat keputusan yang mampu mendatangkan impak positif kepada organisasi • Membuat keputusan yang selari dengan matlamat organisasi

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan dan Temu bual. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Visi dan misi - Perancangan strategik - Minit mesyuarat - Laporan tahunan - Analisis data - Sasaran keberhasilan - Bahan lain yang sesuai
Temu Bual	Contoh aspek yang sesuai untuk ditemu bual adalah seperti yang berikut: - Cara pegawai memastikan keputusan yang dibuat memberikan impak kepada organisasi - Kefahaman berkaitan hala tuju organisasi

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan kepimpinan berwawasan dalam menetapkan hala tuju yang jelas dan berusaha menggerakkan sumber serta membuat keputusan yang sesuai selari dengan matlamat/sasaran organisasi secara konsisten	• Sentiasa mempraktikkan kemahiran dalam melaksanakan tugas melalui perancangan kerja yang sistematik/berfokus bagi mencapai hala tuju/ matlamat • Sentiasa berusaha menggerakkan/merangsang sumber/rakan sekerja untuk mencapai matlamat/sasaran organisasi • Sentiasa membuat keputusan yang selari dengan matlamat/sasaran organisasi
BAIK (4) Mempamerkan kepimpinan berwawasan dalam menetapkan hala tuju yang jelas dan berusaha menggerakkan sumber serta membuat keputusan yang sesuai selari dengan matlamat/sasaran organisasi	• Mempraktikkan kemahiran dalam melaksanakan tugas melalui perancangan kerja yang sistematik/berfokus bagi mencapai hala tuju/matlamat tetapi tidak berlaku secara berterusan • Berusaha menggerakkan/merangsang sumber/rakan sekerja untuk mencapai matlamat/sasaran organisasi berfokus tetapi tidak berlaku secara berterusan • Membuat keputusan yang selari dengan matlamat/sasaran organisasi tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan kepimpinan berwawasan dalam menetapkan hala tuju yang jelas tetapi kurang berusaha menggerakkan sumber serta membuat keputusan yang sesuai selari dengan matlamat/sasaran organisasi	• Sentiasa mempraktikkan kemahiran dalam melaksanakan tugas melalui perancangan kerja yang sistematik/berfokus bagi mencapai hala tuju/ matlamat tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang berusaha menggerakkan/merangsang sumber/rakan sekerja untuk mencapai matlamat/sasaran organisasi • Jarang dapat membuat keputusan yang selari dengan matlamat/sasaran organisasi
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan kepimpinan berwawasan dalam menetapkan hala tuju yang jelas dan kurang berusaha menggerakkan sumber serta membuat keputusan yang sesuai selari dengan matlamat/sasaran organisasi	• Jarang mempraktikkan kemahiran dalam melaksanakan tugas melalui perancangan kerja yang sistematik/berfokus bagi mencapai hala tuju/ matlamat • Jarang berusaha menggerakkan/merangsang sumber/rakan sekerja untuk mencapai matlamat/sasaran organisasi • Jarang dapat membuat keputusan yang selari dengan matlamat/sasaran organisasi
LEMAH (1) Kurang mempamerkan kepimpinan berwawasan dalam menetapkan hala tuju yang jelas dan tidak berusaha menggerakkan sumber serta membuat keputusan yang sesuai selari dengan matlamat/sasaran organisasi	• Jarang mempraktikkan kemahiran dalam melaksanakan tugas melalui perancangan kerja yang sistematik/berfokus bagi mencapai hala tuju/ matlamat • Tidak berusaha menggerakkan/merangsang sumber/rakan sekerja untuk mencapai matlamat/sasaran organisasi • Tidak dapat membuat keputusan yang selari dengan matlamat/sasaran organisasi

CATATAN:

ASPEK A3.2	HURAIAN
PENYESUAIAN PERUBAHAN	Menerima dan menyesuaikan diri dengan perubahan dan cabaran dalam tugas, kepimpinan dan dasar organisasi - Perubahan merujuk pertukaran kepimpinan, dasar-dasar baharu, keadaan dan tugas yang berbeza - Cabaran merujuk sesuatu yang menguji kemampuan atau ketabahan seseorang pegawai dalam bidang tugas

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk menerima perubahan dan menghadapi cabaran	• Menerima perubahan dan menghadapi cabaran • Menyesuaikan diri dengan perubahan • Menghadapi cabaran ketika menyelesaikan masalah

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Minit mesyuarat - Buku program - Kertas kerja - Laporan program - Bahan lain yang sesuai

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan kebolehan untuk menerima perubahan persekitaran tugas dan mampu menghadapi cabaran perubahan dalam melaksanakan bidang tugas secara konsisten	• Sentiasa peka dan responsif terhadap perubahan dasar/kepimpinan/ perubahan persekitaran dalam menjalankan tugas • Sentiasa bersedia menghadapi/menyesuaikan diri dengan perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menyelesaikan tugas/masalah berdasarkan bidang tugas
BAIK (4) Mempamerkan kebolehan untuk menerima perubahan persekitaran tugas dan mampu menghadapi cabaran perubahan dalam melaksanakan bidang tugas	• Peka dan responsif terhadap perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menjalankan tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan • Bersedia menghadapi/menyesuaikan diri dengan perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menyelesaikan tugas/masalah berdasarkan bidang tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan kebolehan untuk menerima perubahan persekitaran tugas tetapi kurang mampu menghadapi cabaran perubahan dalam melaksanakan bidang tugas	• Peka terhadap perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menjalankan tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang bersedia menghadapi/menyesuaikan diri dengan perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menyelesaikan tugas/masalah berdasarkan bidang tugas
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan kebolehan untuk menerima perubahan persekitaran tugas dan kurang mampu menghadapi cabaran perubahan dalam melaksanakan bidang tugas	• Jarang peka terhadap perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menjalankan tugas • Jarang bersedia menghadapi/menyesuaikan diri dengan perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menyelesaikan tugas/masalah berdasarkan bidang tugas
LEMAH (1) Kurang mempamerkan kebolehan untuk menerima perubahan persekitaran tugas dan tidak mampu menghadapi cabaran perubahan dalam melaksanakan bidang tugas	• Jarang peka terhadap perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menjalankan tugas • Tidak bersedia menghadapi/menyesuaikan diri dengan perubahan dasar/kepimpinan/perubahan persekitaran dalam menyelesaikan tugas/masalah berdasarkan bidang tugas

CATATAN:

ASPEK A3.3	HURAIAN
KEINGINAN MENIMBA PENGETAHUAN	Mempelajari ilmu, kemahiran dan nilai yang baharu untuk meningkatkan pengetahuan/kemahiran/menyelesaikan masalah semasa menjalankan tugas

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk memperoleh pengetahuan baharu untuk menyelesaikan tugasan	• Menghadiri kursus atau bengkel untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan nilai baharu • Mencari ruang dan peluang untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan nilai baharu
Keupayaan pegawai untuk mengaplikasi pengetahuan baharu untuk menyelesaikan tugasan	• Menggunakan pengetahuan untuk menyelesaikan sesuatu tugasan • Mengamalkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah dalam menjalankan tugas

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan dan Pemerhatian. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Kertas kerja - Dokumen pekeliling/dasar - Bahan ilmiah/bahan bukan ilmiah - Latihan/LDP/seminar/kursus/kejurulatihan - Sistem pengurusan latihan - Sijil-sijil yang berkaitan - Bahan lain yang sesuai
Pemerhatian	Contoh aspek yang sesuai untuk diamati adalah seperti yang berikut: - Tindakan yang dilakukan dalam menyelesaikan masalah

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan kesediaan/usaha memperoleh pengetahuan baharu dan mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah dalam bidang tugas secara konsisten	• Sentiasa berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai kaedah kursus, bengkel dan seminar • Sentiasa bersedia mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah dalam menjalankan tugas
BAIK (4) Mempamerkan kesediaan/usaha memperoleh pengetahuan baharu dan mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah dalam bidang tugas	• Berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai kaedah kursus, bengkel dan seminar tetapi tidak berlaku secara berterusan • Bersedia mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah dalam menjalankan tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan kesediaan/usaha memperoleh pengetahuan baharu tetapi kurang mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah dalam bidang tugas	• Berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai kaedah kursus, bengkel dan seminar tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang bersedia mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah dalam menjalankan tugas
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan kesediaan/usaha memperoleh pengetahuan baharu dan kurang mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah dalam bidang tugas	• Jarang berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai kaedah kursus, bengkel dan seminar • Jarang bersedia mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah dalam menjalankan tugas
LEMAH (1) Kurang mempamerkan kesediaan/usaha memperoleh pengetahuan baharu dan tidak mengaplikasi pengetahuan untuk menyelesaikan masalah dalam bidang tugas	• Jarang berusaha meningkatkan ilmu pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai kaedah kursus, bengkel dan seminar • Tidak bersedia mengaplikasikan ilmu yang diperoleh untuk menyelesaikan masalah dalam menjalankan tugas

CATATAN:

ASPEK A3.4	HURAIAN
PEMIKIRAN KREATIF DAN INOVATIF	• Berfikiran luas dalam menyelesaikan masalah • Menghasilkan idea baharu, memperkenalkan sesuatu yang baharu atau melakukan penambahbaikan dalam bidang tugas

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk menghasilkan, menambah baik dan menggalakkan idea baharu dalam melaksanakan tugas	• Pembentukan idea, pembentukan pengalaman dan penyusunan maklumat dalam bentuk tertentu • Proses menggunakan minda untuk mencari makna, pemahaman tentang sesuatu, membuat pertimbangan dan keputusan atau menyelesaikan masalah • Berfikir secara kreatif untuk mengurangkan/menyelesaikan isu/masalah dalam menjalankan tugas • Dapat menghasilkan idea baharu/menambah baik idea sedia ada untuk penambahbaikan dalam melaksanakan tugas • Menggalakkan inovasi dalam melaksanakan tugas

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan dan Temu Bual. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Minit mesyuarat - Buku program - Kertas kerja/kertas cadangan - Laporan program - Bahan lain yang sesuai
Temu Bual	Contoh aspek yang sesuai untuk ditemu bual adalah seperti yang berikut: - Keperluan inovasi dalam organisasi - Keberkesanan inovasi

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mempamerkan inisiatif untuk menghasilkan idea baharu/memperbaik idea sedia ada dan menggalakkan perubahan situasi sedia ada dalam melaksanakan tugas secara konsisten	• Sentiasa mencipta/menjana idea baharu untuk tujuan penambahbaikan kualiti kerja dalam bidang tugas • Sentiasa mengaplikasi idea/pendekatan/kaedah dalam menyelesaikan/ menjalankan tugas sama ada dalam bentuk idea baharu atau penambahbaikan idea/kaedah sedia ada
BAIK (4) Mempamerkan inisiatif untuk menghasilkan idea baharu/memperbaik idea sedia ada dan menggalakkan perubahan situasi sedia ada dalam melaksanakan tugas	• Mencipta/menjana idea baharu untuk tujuan penambahbaikan kualiti kerja dalam bidang tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mengaplikasi idea/pendekatan/kaedah dalam menyelesaikan/menjalankan tugas sama ada dalam bentuk idea baharu atau penambahbaikan idea/kaedah sedia ada tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mempamerkan inisiatif untuk menghasilkan idea baharu/memperbaik idea sedia ada tetapi kurang menggalakkan perubahan situasi sedia ada dalam melaksanakan tugas	• Mencipta/menjana idea baharu untuk tujuan penambahbaikan kualiti kerja dalam bidang tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang dapat mengaplikasi idea/pendekatan/kaedah dalam menyelesaikan/menjalankan tugas sama ada dalam bentuk idea baharu atau penambahbaikan idea/kaedah sedia ada
MEMUASKAN (2) Kurang mempamerkan inisiatif untuk menghasilkan idea baharu/memperbaik idea sedia ada dan kurang menggalakkan perubahan situasi sedia ada dalam melaksanakan tugas	• Jarang dapat mencipta/menjana idea baharu untuk tujuan penambahbaikan kualiti kerja dalam bidang tugas • Jarang dapat mengaplikasi idea/pendekatan/kaedah dalam menyelesaikan/menjalankan tugas sama ada dalam bentuk idea baharu atau penambahbaikan idea/kaedah sedia ada
LEMAH (1) Kurang mempamerkan inisiatif untuk menghasilkan idea baharu/memperbaik idea sedia ada dan tidak menggalakkan perubahan situasi sedia ada dalam melaksanakan tugas	• Jarang dapat mencipta/menjana idea baharu untuk tujuan penambahbaikan kualiti kerja dalam bidang tugas • Tidak dapat mengaplikasi idea/pendekatan/kaedah dalam menyelesaikan/ menjalankan tugas sama ada dalam bentuk idea baharu atau penambahbaikan idea/kaedah sedia ada

CATATAN:

E4 KEILMUAN DAN PENGETAHUAN

ASPEK A4.1	HURAIAN
DASAR-DASAR KERAJAAN	Mengetahui, memahami dan mematuhi dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami dan mematuhi dasar-dasar kerajaan	• Mengetahui dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas • Memahami dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas • Mematuhi dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan tugas harian

KAEDAH PENILAIAN

Pelbagai kaedah penilaian yang sesuai boleh digunakan untuk memastikan PYD dinilai dengan tepat. Kaedah penilaian yang dicadangkan bagi aspek ini ialah Semakan Bahan dan Temu Bual. Pemilihan kaedah penilaian yang dicadangkan boleh menggunakan salah satu atau semua kaedah, bergantung kepada kesesuaian. Perincian bagi kaedah penilaian tersebut adalah seperti yang berikut:

KAEDAH	HURAIAN
Semakan Bahan	Contoh dokumen yang sesuai untuk disemak adalah seperti yang berikut: - Kertas kerja/pelaporan berkaitan dengan bidang tugas (Contoh: 1M1S, MBMMBI, KBAT)
Temu Bual	Contoh aspek yang sesuai untuk ditemu bual adalah seperti yang berikut: - Pelaksanaan program/aktiviti/latihan yang mematuhi dasar kerajaan

RUBRIK	
ARAS PENILAIAN	**HURAIAN**
CEMERLANG (5) Mengetahui, memahami dan mematuhi dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas secara konsisten	• Sentiasa dapat menerangkan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas secara jelas • Sentiasa mempamerkan pematuhan/pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan semasa menjalankan tugas
BAIK (4) Mengetahui, memahami dan mematuhi dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas	• Dapat menerangkan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas secara jelas tetapi tidak berlaku secara berterusan • Mempamerkan pematuhan/pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan semasa menjalankan tugas tetapi tidak berlaku secara berterusan
SEDERHANA (3) Mengetahui, memahami tetapi kurang mematuhi dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas	• Dapat menerangkan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas secara jelas tetapi tidak berlaku secara berterusan • Jarang dapat mempamerkan pematuhan/pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan semasa menjalankan tugas
MEMUASKAN (2) Kurang mengetahui, kurang memahami dan kurang mematuhi dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas	• Jarang dapat menerangkan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas secara jelas • Jarang dapat mempamerkan pematuhan/pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan semasa menjalankan tugas
LEMAH (1) Kurang mengetahui, kurang memahami dan tidak mematuhi dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas	• Jarang dapat menerangkan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dengan bidang tugas secara jelas • Tidak dapat mempamerkan pematuhan/pelaksanaan dasar-dasar kerajaan yang berkaitan semasa menjalankan tugas

CATATAN:

ASPEK A4.2	HURAIAN
PERATURAN DAN PEKELILING	Mengetahui, memahami dan mematuhi pekeliling utama mengikut bidang tugas yang berkaitan

DESKRIPSI	HURAIAN
Keupayaan pegawai untuk mengetahui, memahami dan mematuhi akta, peraturan dan pekeliling mengikut bidang tugas	• Mengetahui peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa berkaitan dengan bidang tugas • Memahami peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa berkaitan dengan bidang tugas • Mematuhi peraturan dan pekeliling yang berkuat kuasa berkaitan dengan tugas harian

KAEDAH PENILAIAN

